

# Matrix Concepts bangun taman teknologi di PD

**SEREMBAN:** Syarikat pemaju perumahan, Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concept) bakal membuat pelaburan bagi pembinaan sebuah kawasan taman teknologi di Kampung Tanah Merah, Site A, Port Dickson (PD) pada tahun hadapan.

Pengasas dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Matrix Concepts, Datuk Lee Tian Hock berkata, cadangan pembinaan itu juga terletak di bawah pembangunan Lembah Wawasan Malaysia (MVV) 2.0.

“Kawasan berkeluasan 607 hektar itu yang dibangunkan dengan kawasan taman teknologi. Ia merupakan cadangan pelaburan baharu Matrix Concept selepas beberapa pihak dari wilayah Anhui China menunjukkan minat untuk melabur di kawasan berkenaan.

“Dijangka kos pelaburan se-



**LEE Tian Hock (tengah) pada Majlis Perasmian Pembukaan Kilang TangXing Equipment (M) Sdn. Bhd. di Sendayan Tech Valley, Bandar Sri Sendayan, Seremban, semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD**

banyak RM200 juta bagi membolehkan kawasan tersebut dibangunkan. Pada 10 Jun ini, terdapat sekumpulan pelabur dari Anhui, China akan datang

bertemu dengan pihak kami bagi membincangkan lebih lanjut mengenai projek ini

“Di kawasan tersebut, dijangka dibina kilang pembuatan

berteknologi sederhana dan tinggi,” katanya selepas Majlis Perasmian Pembukaan Kilang TangXing Equipment (M) Sdn. Bhd. di Sendayan Tech Valley, Bandar Sri Sendayan, Seremban, semalam.

Sementara itu, menurut Tian Hock, pembangunan kawasan perindustrian di Kampung Tanah Merah Site A itu juga telah mendapat persetujuan pemilik tanah di situ.

“Lebih 50 peratus keluarga di kawasan tersebut juga telah menunjukkan minat untuk menjual tanah mereka bagi tujuan pembangunan kawasan perindustrian tersebut,” katanya.

Beliau menambah, kawasan tersebut terletak berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang dan berdekatan juga dengan Lembah Klang.